

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SKW103 - Pengantar Sains Politik

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan. Setiap satu 100 markah.

1. Istilah “politik” telah diberikan pelbagai pengertian. Namun, walau apa pun takrifan yang diberikan, dua perkara pasti akan ditonjolkan, iaitu soal kuasa dan kewibawaan/keesahan kuasa. Bincangkan dua perkara ini dengan tumpuan khas kepada persoalan mengapakah dua persoalan ini sangat penting dalam proses politik.
2. Pilih sebuah negara (melainkan Malaysia) dan dengan menggunakan contoh-contoh yang jelas, bincangkan proses input dan output dalam sistem politik negara tersebut.
3. Apakah peranan dewan perundangan (*legislature*/parlimen) dalam sistem demokratik? Bagaimanakah dewan perundangan boleh mengawal kuasa eksekutif?

...2/-

4. Kumpulan berkepentingan dan kumpulan pendesak boleh memainkan peranan penting dalam mempertahankan kepentingan kelompok-kelompok masyarakat dan meluahkan tuntutan mereka. Walau bagaimanapun peranan dan pengaruh kumpulan-kumpulan ini bergantung kepada kewujudan masyarakat sivil yang cergas dan dinamis. *Bincangkan.*
  
5. Antara kritikan utama terhadap kaedah demokratik adalah:
  - sistem demokratik adalah satu legasi imperialis barat,
  - sistem demokrasi adalah satu kemewahan dan banyak negara membangun tidak mampu dengan kemewahan itu,
  - sistem demokrasi memecahbelahkan masyarakat.

Berikan penilaian anda terhadap kritikan-kritikan ini.

6. Pilihanraya diadakan untuk mencapai dua tujuan utama: pertama, untuk membolehkan penyertaan rakyat memilih siapa yang akan memerintah dan membuat dasar-dasar awam dan kedua, untuk mendapatkan sebuah kerajaan yang berkesan. Dua tujuan ini -- iaitu "mandat rakyat" dan "kerajaan yang berkesan" -- boleh sahaja bercanggah diantara satu dengan yang lain. *Bincangkan.*